

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Awang Had Salleh Graduate School
Sent: 19 Januari 2017 16:01
To: UUM - All Staff
Cc: Prof. Dr. Norshuhada Bt Shiratuddin
Subject: AWANG HAD SALLEH GRADUATE SCHOOL MENERIMA KUNJUNGAN DARI UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN



**Awang Had Salleh
Graduate School
of Arts And Sciences**

Engaging Minds for a Better Tomorrow

Universiti Utara Malaysia

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

19 JANUARI 2017 / 20 RABIULAKHIR 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

**AWANG HAD SALLEH GRADUATE SCHOOL MENERIMA KUNJUNGAN DARI
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK)**



AHSGS ONLINE: 19 Januari 2017 (Khamis), Awang Had Salleh Graduate School (AHSGS) telah menerima kunjungan oleh Pusat Pengajian Siswazah, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) yang mana Universiti Utara Malaysia (UUM) telah menjadi pilihan untuk dijadikan penanda aras selepas Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Pusat Pengajian Siswazah, UMK sedang dalam perancangan menstrukturkan semula sistem organisasi pengurusan akademik bagi mentransformasikan Pusat Pengajian Siswazah di Universiti tersebut untuk menjadi *Graduate School*.

Dalam lawatan tersebut pihak Pusat Pengajian Siswazah, UMK dan AHSGS, UUM telah mencapai kata sepakat untuk berkolaborasi bagi usahasama dalam program *Double Degree, Joint Colloquium* dan Mobiliti Pelajar. Melalui perjanjian tersebut diharapkan juga dapat berkongsi kepakaran dari sudut *Course Sharing* yang mana pelajar UUM yang berasal dari Kelantan dapat mengikuti kursus yang terdapat di UMK sebagai contoh *Academic Writing* dan *Research Methodology*. Pihak Pusat Pengajian Siswazah telah menjemput pihak AHSGS untuk ke UMK bagi membincangkan dengan lebih lanjut lagi mengenai cadangan Memorandum Persefahaman antara kedua belah pihak.

Dekan AHSGS, Prof. Dr. Norshuhada Shiratuddin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada Timbalan Dekan Pusat Pengajian Siswazah UMK, Prof. Abdul Jamal Abd Hamid dan Penolong Pendaftar, Encik Murhazlan Mohamed, kerana sudi membuat kunjungan ke AHSGS.

Lawatan tersebut turut dihadiri oleh Prof. Dr. Shahizan Hassan dari Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business dan Encik Abd. Rahman Mohd Isa dari Unit Pengajian Siswazah, Hal Ehwal Akademik (HEA).

Tamat.

=====

DARIPADA:

Awang Had Salleh Graduate School
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
M A L A Y S I A
Tel: 04-928 5250/5251



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.